



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT ZON SELATAN WADAH PERPADUAN RAKYAT MELALUI PENGALAMAN BERSAMA**

---

**BANDA HILIR**, 9 Mei 2026 – Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) menjadi **wadah yang menghubungkan rakyat melalui pengalaman bersama** yang menjadi asas kepada perpaduan nasional. Perkara tersebut dinyatakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara semasa menyempurnakan **Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Zon Selatan 2026 dan Arkib Komuniti Peringkat Kebangsaan** di Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Banda Hilir, Melaka.

YB Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya berkata, “**Sambutan ini berperanan sebagai sebuah *shared civic space* atau dalam istilah falsafah sosial, *site of intersection*** iaitu ruang pertemuan yang menyatukan rakyat pelbagai etnik, budaya, bangsa dan agama untuk bertemu, berinteraksi serta saling memahami dalam suasana harmoni, sekali gus memperkukuh jalinan perpaduan dan rasa kebersamaan sebagai satu negara bangsa”.

Selain itu, Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Zon Selatan 2026 pada kali ini turut dianjurkan bersama Sambutan Arkib Komuniti Peringkat Kebangsaan 2026. Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan **inisiatif Arkib Komuniti sebagai usaha memasyarakatkan arkib** dengan menggalakkan pengumpulan sejarah setempat, mengisi jurang maklumat sejarah, serta memupuk semangat menghargai warisan bersama dalam kalangan masyarakat.

## **UNTUK SIARAN NEGARA**

YB Datuk Aaron Ago Dagang juga turut **menyeru kepada kepada semua peringkat masyarakat tanpa mengira latar belakang untuk menyumbang koleksi komuniti kepada Arkib Negara** bagi memperkayakan khazanah negara dan juga menanam rasa bangga terhadap warisan sendiri yang menjadi asas dalam membina jati diri bangsa dan memperkukuh perpaduan negara. Pendekatan ini membuka ruang kerjasama yang lebih luas antara Arkib Negara dan komuniti dalam pendokumentasian, penyimpanan serta pemeliharaan khazanah negara.

Pada masa yang sama, orang ramai dijemput hadir ke Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Zon Selatan 2026 dan Arkib Komuniti Peringkat Kebangsaan dengan pelbagai aktiviti menarik disediakan kepada pengunjung antaranya **Arkib Komuniti@Khazanah Kita** yang memberi peluang kepada pengunjung untuk mendapatkan perkhidmatan pemeliharaan dan penjilidan koleksi komuniti serta menyalin koleksi bahan bersejarah ke dalam bentuk digital, **Eksplorasi Memorial@Negara Bangsa**, **pameran Arkib Komuniti@Rumah Kami**, **Arkib Komuniti@Sukan Rakyat**, **jualan FoodUnites** dan banyak lagi.

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

9 Mei 2026

KPN.100-9/1/16 ( 42 )

